

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7852

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan menyatakan strategi pihak Kerajaan menangani krisis IS yang semakin mengancam serta sebab mengapa Ahli Parlimen Malaysia tidak diberikan taklimat tetap mengenai perkembangan isu ini supaya dapat menyatukan lebih usaha dalam menyekat pengaruhi IS khususnya di kalangan remaja negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani krisis Kumpulan Militan *Islamic State* (IS) yang semakin mengancam keselamatan negara, Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia telah mengambil beberapa langkah dalam mengatasi isu ini. Antaranya adalah dengan mengadakan kerjasama dengan negara-negara luar dari segi perkongsian maklumat risikan dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis akan membuat pemantauan rapi ke atas mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak Jabatan (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Selain dari itu, Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konsep jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah pun menggubal Modul Pemulihan khusus bagi meneutrasikan kumpulan militan yang telah ditahan. Harapan Kerajaan ialah untuk mengembalikan semula mereka ke pangkuan masyarakat.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah menggubal Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 atau pun POTA disamping memperkasakan undang-undang sedia ada melalui pindaan Rang Undang-Undang termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Kesemua Rang Undang-undang ini telah pun dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan Yang Berhormat Gelang Patah bahawa Ahli Parlimen Malaysia tidak diberikan taklimat tetap mengenai perkembangan isu ini adalah tidak tepat kerana Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan juga rakyat telah pun diberikan perkembangan terkini mengenai isu IS ini melalui hebahan surat khabar, sesi temubual dan dialog

dengan Jabatan-jabatan Agama, universiti serta pusat pengajian tinggi.